

24 FEB 2002

Abdullah-Ulama (Bergambar)

KERAJAAN CADANG TUBUH MAJLIS PERUNDINGAN ULAMA NEGARA

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Majlis Perundingan Ulama Negara bagi mendapatkan pandangan ulama dalam hal yang berkaitan dengan agama Islam, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata perkara itu telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno dua hari lepas dan akan dimaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekembalinya beliau dari cuti dan lawatan kerja Rabu ini.

Abdullah berkata ulama yang berwibawa, berilmu tinggi serta mempunyai kepakaran tertentu akan dijemput menganggotai majlis ini.

"Jadi apabila ada sesuatu perkara yang perlu kita boleh mendapat pandangan ulama," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Ibadah Korban anjuran Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekida) di Padang Kelab Sultan Suleiman di sini.

Abdullah berkata majlis yang dicadangkan itu tidak akan mengeneipkan peranan atau menjadi saingan mahupun memperkecilkan peranan Majlis Fatwa Kebangsaan yang mempunyai kuasa mengeluarkan fatwa.

"Ini bukanlah majlis keluarkan fatwa...tapi anggotanya boleh beri pandangan-pandangan mengenai masalah yang kita hadapi sekarang ini...jika ada masalah yang perlu dapatkan fatwa maka tentulah perkara itu dibawa ke jawatankuasa fatwa," katanya.

Sambil menyifatkan cadangan penubuhan majlis ini sebagai satu pendekatan penting, Abdullah berkata Umno termasuk presidennya Dr Mahathir sentiasa menghargai sumbangan golongan ulama.

"Bagi Umno dan barisan pimpinannya termasuk ahli Umno mereka adalah golongan yang mesra dengan ulama dan sentiasa menghargai sumbangan ulama dan sentiasa mendapat pandangan ulama dalam banyak hal yang berkait perkara yang mustahak dan berkaitan ummah,"

"Jadi dengan itu Umno berfikir adalah baik jika sekiranya pendekatan ini diinstitutionalkan dan jadikan sebagai satu pendekatan yang berterusan dan rasmi dan punyai satu institusi iaitu Majlis Perundingan Ulama Negara," kata Abdullah.

Ditanya sama ada ulama dari PAS akan turut dijemput menganggotai majlis ini, Abdullah berkata mereka yang akan dijemput adalah: "Ulama yang boleh membantu...ulama yang berwibawa yang tidak terikat dengan pendirian politik mereka yang mungkin kerananya akan membuatkan mereka memberi pandangan-pandangan yang terlalu mengutamakan kepentingan politik mereka."

-- BERNAMA

RV DC MOZ